

Lengkapkan ayat menggunakan kata pemerai yang betul.

Keluar dengan Tenangnya

Keluarga Encik Nazri mengamalkan panduan keselamatan sebelum bercuti

Encik Nazri memberitahu Encik Teong dan Encik Ravin bahawa beliau sekeluarga akan bercuti. Mereka ialah jiran Encik Nazri. Tindakan Encik Nazri tersebut adalah sebagai makluman supaya mereka dapat mengawasi rumah ketika ketiadaan beliau sekeluarga. Tindakan bijak ini adalah penting demi keselamatan harta benda.

Si Kelabu dan Si Putih _____ Arnab peliharaan Afifi. Dia menghantar haiwan peliharaannya ke Pusat Jagaan Haiwan. Pusat ini menawarkan penjagaan eksklusif bagi haiwan peliharaan melalui konsep hotel. Perkhidmatan ini _____ mudah bagi orang yang mementingkan keselamatan haiwan peliharaan semasa bercuti.

Encik Nazri memasang suis pemasa automatik. Pemasa automatik _____ alat untuk mengawal dan menetapkan tempoh lampu menyala. Pemasa automatik _____ penting sebagai alat keselamatan ketika penghuni tiada di rumah pada waktu malam.

Encik Nazri juga melaporkan ketiadaan beliau sekeluarga di rumah kepada Encik Azlan. Encik Azlan _____ anggota polis. Encik Nazri memberikan alamat rumah kepada beliau. Maklumat ini _____ untuk memudahkan pihak polis membuat rondaan bagi mengekang pencerobohan.

ialah

adalah